



PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

1.0 Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Mereka bentuk, Membina, Melengkapkan dan Mentauliahkan:

CADANGAN MENAIK TARAF BANGUNAN SEDIA ADA PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU DI ATAS LOT 1836, JALAN RAJA ABDULLAH, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR SEBAGAI LAMAN WARISAN KAMPONG BHARU SECARA REKA DAN BINA

2.0 KETERANGAN AM KERJA

2.1 Lokasi tapak bina terletak di Lot 1836, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur.

2.2 Skop kerja bagi projek ini merangkumi:

- a) Meroboh struktur sementara sedia ada;
- b) Mengubah suai ruang lantai sedia ada (Galeri Pameran, Kafeteria, Tandas);
- c) Menambah ruang lantai baharu (Ruang Taklimat);
- d) Ruang terbuka di atas bumbung;
- e) Kemudahan berkaitan;
- f) Pemasangan kelengkapan mekanikal dan elektrik berkaitan;
- g) Kelengkapan hiasan dalaman serta perabot berkaitan;
- h) Kerja-kerja infrastruktur dan landskap berkaitan;
- i) Pengalihan kabel/ paip bawah tanah (sekiranya berkaitan); dan
- j) Kerja-kerja lain yang berkaitan.

2.3 Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **Disember** tahun **2026** dan tempoh penyiapan adalah **12 bulan**.

3.0 SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

3.1 Pendaftaran Kontraktor:

- a) Jenis Syarikat - T1 (Syarikat tempatan yang **100% milik Warganegara Tempatan**) dengan keutamaan kepada syarikat berstatus Bumiputera;
- b) Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- c) Syarikat hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan **Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang sah dalam **Gred G4** dan **Kategori B04** serta **Pengkhususan yang bersesuaian**;
- d) **Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang sah dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK);

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini; dan

Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) hendaklah masih berkuat kuasa pada tarikh tutup tender terbuka melalui Pra Kelayakan dan sekurang-kurangnya **melebihi tiga (3) bulan** dari Tarikh tutup Pra Kelayakan.

3.2 Keupayaan Kontraktor

a) Keupayaan Kewangan:

Mempunyai '**Nett Worth**' bernilai melebihi **20%** dari nilai tahunan bebanan kerja atau '**Modal Pusingan**' bernilai melebihi **10%** dari Nilai Tahunan Bebanan Kerja atau Nilai '**Modal Mudah Cair**' bernilai melebihi **3%** Dari Nilai Tahunan Bebanan Kerja.

b) Keupayaan Teknikal:

- i) Telah melaksanakan projek pembinaan yang serupa dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tidak kurang dari **RM2,700,000.00** dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.
- ii) Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyediaan dan mutu kerja.

c) Perunding Kontraktor

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not inhouse consultants*) seperti berikut:-

- i) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan; dan
- ii) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

4.0 Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi:

**Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB)
Aras Bawah, Lot 61, Rumah Rohas,
Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu,
50300 Kuala Lumpur**

Dari **29 Jun 2026** hingga **24 Julai 2026** semasa waktu pejabat.

Dokumen Pra Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada **Wakil atau Kontraktor yang diberi kuasa sahaja (Penama yang tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK))**. Wakil atau Kontraktor dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran CIDB dengan menunjukkan sijil/perakuan asal.

5.0 Harga dokumen ialah **RM100.00 (Draf Bank atau Kiriman Wang Pos)** atas nama **PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

6.0 Permohonan hendaklah dikemukakan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender Pejabat PKB seperti berikut:

**Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB)
Aras 2, Lot 59, Rumah Rohas,
Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu,
50300 Kuala Lumpur**

Tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **24 Julai 2026**.

(Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan)

7.0 Sebarang Pertanyaan boleh hubungi: 03-2692 6733.



PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

NO. TENDER: PKB/TENDER/KERJA/2026/02

TAJUK TENDER	HARGA INDIKATIF JABATAN
TENDER PRA KELAYAKAN UNTUK CADANGAN MENAIK TARAF BANGUNAN SEDIA ADA PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU DI ATAS LOT 1836, JALAN RAJA ABDULLAH, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR SEBAGAI LAMAN WARISAN KAMPONG BHARU SECARA REKA DAN BINA (NO. TENDER: PKB/TENDER/KERJA/2026/02	RM2,700,000.00

Nota:

- 1.1 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Perbadanan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 1.2 Pihak Perbadanan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh melaksanakan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.